

Kesihatan Mulut Untuk Hidup Sihat

Hargailah Gigi Anak Anda




Kesihatan Giginya Di Tangan
Anda



Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
MOH/K/GIG/2.2004 (PT)
Ubahsuai dari 2.98(PT)

MASALAH



KARIES BOTOL SUSU

KARIES BOTOL SUSU (Early Childhood Caries/Nursing Bottle Caries)

Apakah karies botol susu ?

Karies botol susu adalah kerosakan gigi pada kanak-kanak akibat dari penyusuan.

Apakah yang menyebabkan karies botol susu ini ?

Masalah karies gigi (kerosakan gigi) boleh berlaku sekiranya bayi atau kanak-kanak dibiarkan terlena dengan menghisap susu dari botol. Kandungan cecair sama ada susu atau air manis akan menyelaputi gigi sepanjang waktu bayi tidur. Tindakbalas di antara bakteria yang berada di dalam mulut dan kandungan gula di dalam cecair akan menghasilkan asid.

Asid ini akan bertindak dan merosakkan gigi. Jika tabiat menghisap botol semasa tidur ini berterusan, gigi bayi atau kanak-kanak akan rosak. Semua jenis cecair seperti susu, air manis, dan air soda selain daripada air masak kosong boleh mempercepatkan kejadian karies botol susu.

Gigi manakah yang terlibat oleh karies botol susu ?

Gigi yang sering kali rosak adalah gigi hadapan atas. Gigi belakang pula menjadi rosak sekiranya keadaan dibiarkan.



Gigi bertukar warna coklat dan ada juga berwarna kehitaman.

Apakah akibat karies botol susu kepada kanak-kanak ?

Gigi jika dibiarkan rosak boleh mengakibatkan masalah berikut :

- Kesakitan
- Susah mengunyah makanan
- Tumbesaran terganggu
- Masalah pertuturan
- Masalah emosi



Bagaimana anda boleh mengelakkan kejadian karies botol susu ?

1. Jangan biarkan bayi anda tertidur dengan botol mengandungi susu di dalam mulut.
2. Jangan bubuh gula / air manis dalam susu.
3. Hentikan penggunaan botol dengan cara berperingkat.
4. Bersihkan gigi bayi selepas makan dengan menggunakan tuala atau kain yang lembut dan bersih.



Letakkan sedikit sahaja ubat gigi (sebesar biji kacang soya) jika perlu. Ibu bapa digalakkan memberus gigi anak-anak mereka di bawah umur 6 tahun.



5. Bawalah anak anda untuk mendapatkan pemeriksaan pergigian apabila berumur 2 - 3 tahun.

